

# Gara-gara cinta ditolak

**Pelajar cuba bunuh diri dengan terjun dari bumbung sekolah**

**MUHAMMAD AFHAM RAMLI**

**BANTING**

Hanya kerana cinta ditolak rakan sebaya, seorang pelajar tingkatan satu sebuah sekolah di Telok Datok, di sini, semalam, dipercayai cuba terjun dari bumbung sekolahnya.

Kejadian kira-kira jam 1.30 petang itu dimaklumkan pihak sekolah terbabit selepas pelajar lelaki terba-

bit dilihat memanjat dan berjalan di atas bumbung.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Azizan Tukiman berkata, setelah tiba di lokasi, pihaknya mengambil masa kira-kira setengah jam untuk cuba memujuk pelajar terbabit.

“Pelajar ini akhirnya berjaya diselamatkan dengan bantuan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan bomba.

“Pemeriksaan mendapati, pelajar terbabit hanya mengalami kecederaan ringan di bahagian lengannya semasa proses menyelamatkan dan telah dibawa ke Hospital Banting untuk rawatan,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati pelajar ini mengaku cuba untuk bu-

Saya nak bunuh diri sebab semalam saya gadai dengan kawan baik. Dia sudah bersama dengan perempuan yang saya cinta. Hati saya sangat sakit, saya juga ada bertaba dengan kawan saya mereka juga ada habang saya bunuh diri. Tapi hati saya memang tidak pusing hati, sebab itulah saya tiba-tiba nak bunuh diri.

Nota bunuh diri yang dipercayai ditulis oleh pelajar terbabit.

nuh diri kerana kecewa dengan seorang pelajar perempuan yang sebaya dengannya. Pelajar ni mengatakan telah berjumpa dengan pelajar perempuan itu kelmarin dan meluahkan perasaan cintanya, namun cinta itu ditolak.

Katanya, alasan yang diberikan adalah kerana tidak meminati pelajar lelaki tersebut kerana lebih menyukai seorang pelajar

lelaki lain. Disebabkan itu, pelajar lelaki tersebut merasa putus asa dan mengambil keputusan untuk membunuh diri.

Menurutnya, pelajar ini juga ada menulis satu nota yang menjelaskan tujuannya untuk bunuh diri.

“Mengikut keterangan gurunya, pelajar ini seorang murid yang baik dan pendiam selain tiada masalah disiplin,” katanya.



Pelajar terbabit dipercayai cuba untuk bunuh diri dengan terjun dari atas bumbung sekolah.

# Asrama pekerja kotor

**MDKL gempur asrama pekerja asing selepas dapat aduan penduduk**

NUR FARHANA ABDUL MANAN

KUALA LANGAT

**K**otor dan busuk!. Begitu keadaan di asrama dan rumah menempatkan ratusan pekerja asing yang bekerja di kawasan kilang sekitar Telok Panglima Garang, di sini.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohamad Zain A Hamid, berkata, hasil serbuan mengejut dijalankan pihaknya mendapati warga asing terbabit bukan sahaja mendiami bangunan asrama yang kotor malah tidak selamat tanpa ciri keselamatan.

Menurutnya, pihaknya bertindak atas aduan penduduk yang tidak tahan menghidu bau busuk hasil daripada pencemaran bau dari penempatan warga asing



Ruang dalam asrama dipenuhi barangan elektronik dan wayar.

tersebut.

Keadaan itu berlaku, dakwanya hasil kerakusan sesetengah pihak mengaut keuntungan sewaan rumah dan bilik kepada warga asing tanpa menitikberatkan aspek kebersihan serta kelestarian alam sekitar.

"Kami dapati rumah dan asrama dibina di beberapa kawasan di sini menempatkan ratusan pekerja warga asing bekerja di beberapa buah kilang.

"Pekerja ini didapati membuang sampah terus ke dalam longkang hingga tersumbat menyebabkan penempatan mereka terlalu kotor dan menjijikkan dengan lendir berlumut," katanya.

Mohamad Zain berkata, penempatan terbabit termasuk bangunan dua tingkat dibina atas tanah bersatus pertanian tanpa kelulusan pihak berkuasa.

Menurutnya, pihaknya me-

ngenalpasti bangunan dibina atas tanah milik individu tanpa mempunyai kemudahan infrastruktur sempurna malah ada bangunan didapati menutup longkang utama di tepi jalan.

## **Tempat proses barangan elektronik**

Dalam pemeriksaan dijalankan, Mohamad Zain berkata, pihaknya turut kesal ada asrama pekerja dijadikan pusat memproses barangan elektronik.

"Kami percaya barangan elektronik ini dibawa pulang dari kilang tempat mereka ini bekerja. Saya terkejut lihat keadaan dalam bilik dipenuhi wayar serta peralatan lain hingga pekerja tidak nampak dan menyedari kehadiran kami.

"Saya harap agensi kerajaan di daerah ini teliti semula bangunan ini yang jelas melanggar peraturan.

"Malah diharap semua agensi bertanggungjawab mainkan peranan sepenuhnya bagi memastikan penempatan warga asing ini tidak jadi tempat penyebaran penyakit mahu pun pembuangan sampah," katanya.